

Tahan 8 kontena e-waste RM2.1j

banyak 186,737 kilogram sampah elektronik dari Kanada, Sepanyol dan Croatia dirampas JKDM

Oleh Ruwaida Md Zain
am@hmetro.com.my

Pelabuhan Klang

Jumlah 186,737 kilogram (kg) sampah elektronik dari Kanada, Sepanyol dan Croatia bernilai RM2,152,476 juta dirampas Jabatan Kastam Malaysia (JKDM) Pahang dalam operasi di Pelabuhan Utara, awal Februari lalu.

Diarahkan oleh Pegawai Kastam Pahang, Mohd Asri Seman, operasi itu adalah kerjasama pasukannya dengan Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor yang menahan lapan kontena di Pelabuhan Utara, awal Februari lalu.

Hasil pemeriksaan lanjutan mendapati komoditi bahan yang terdapat adalah sisa elektronik (e-waste) diperolehi diimport tanpa Perlesenan Import serta dibuat pengikliran dagangan import secara tidak betul dalam borang pengikliran.

Dirampasan e-waste yang dilakukan daripada sampah campuran wayar, kabel komputer, komponen komputer dan anggaran berat keseluruhan sebanyak 186,737 kilogram bernilai dianggarkan RM2,152,476.



MOHD Asri (tengah) menunjukkan sisa elektronik dirampas JKDM Pahang dalam operasi di Pelabuhan Utara, awal Februari lalu.

dua dari Sepanyol dan sebuah dari Croatia,” katanya dalam sidang media di Pelabuhan Utara, di sini, semalam.

Mohd Asri berkata, pengimportan barangan e-waste adalah melanggar syarat kecuai mengikut peraturan yang ditetapkan di Bawah Butiran 54, Bahagian 1, Jadual Ketiga, Pe-

yang memerlukan kelulusan daripada Ketua Pengarah Alam Sekitar.

“Siasatan mendapati, pihak terbabit membuat pengikliran tidak benar dalam borang pengikliran dengan mengiklirkan dagangan sebagai Copper Concentrate bagi mengelakkan keperluan Permit Import daripada Jabatan

Seksysen 135(1)(a) Akta Kastam 1967,” katanya.

Ditanya sama ada menjadi amalan biasa dalam pasukan JKDM menjalankan operasi serbuan rentas negeri, beliau menjelaskan kes rampasan itu adalah maklumat yang diterima oleh JKDM Pahang.

“Bagi Bahagian Penguatkuasaan JKDM, kita tidak

saan di seluruh negara, sekiranya kita mendapat maklumat, bahagian penguatkuasaan negeri berkenaan boleh mengambil tindakan.

“Contohnya (JKDM) Selangor, boleh mengambil tindakan terhadap apa-apa aktiviti haram atau penyeludupan di Pahang ataupun di Kedah dan mana-mana

“Apabila terima maklumat, ini satu polisi yang dibuat oleh JKDM untuk mengekalkan maklumat itu supaya tidak bocor. Maksudnya kalau Pahang dapat maklumat, Pahang perlu kendalikan kes berkenaan sehingga ke pendakwaan di mahkamah walaupun kes di Selangor,” katanya.

Pada masa sama, orang ramai digesa membantu JKDM memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah, kenderaan dan lain-lain serta dinasihatkan tidak membabitkan diri dengan aktiviti terbahagi.

“Penyeludupan bukan sahaja merugikan negara dari segi ketirisan hasil, malah ianya turut mendatangkan ancaman kepada keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat.

“KDM menyeru kepada orang awam untuk memberi kerjasama dengan menyalurkan maklumat berkaitan sebarang aktiviti penyeludupan dengan menghubungi Talian Bebas Tol Kastam 1-800-88-8855 atau Pejabat Kastam yang terdekat di semua negeri.

“Pihak JKDM juga memberi jaminan bahawa identiti setiap pemberi maklu-